

**Pembudayaan Integriti Bermula Daripada Sekecil-Kecil Perbuatan - Raja Nazrin Bernama  
13 Disember, 2012**

CYBERJAYA, 13 Dis (Bernama) -- Pembudayaan integriti harus bermula dengan sekecil-kecil perbuatan, titah Pemangku Raja Perak, Raja Dr Nazrin Shah.

Baginda bertitah, integriti adalah keupayaan melakukan perkara betul meskipun ia sekadar satu perbuatan laksana melukut di tepi gantang atau tidak membawa pulang ke rumah walaupun sebatang pensel atau sekeping kertas milik pejabat.

"Dalam hasrat memartabatkan imej negara bangsa, integriti bukan satu opsyen tetapi satu kemestian, tergolong bukan dalam kategori amalan sunat tetapi berada dalam kategori amalan wajib.

"Kelangsungan sesebuah kerajaan tidak mungkin dapat dipertahan tanpa budaya integriti yang tinggi kerana rasuah dan salah guna kuasa tidak sekadar perbuatan seorang individu tetapi melambangkan kelemahan sesebuah kerajaan.

"Kehadiran atau ketiadaan integriti mempengaruhi rupa bentuk dan lakar wajah sesebuah negara bangsa," titah baginda pada Konvensyen Integriti Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) di sini pada Khamis.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=915266>